

Isnin – 28 Disember 2020

Halaman : 33

20 tan barang bantu Orang Asli

PONTIAN: Kira-kira 20 tan metrik pakaian dan barang berupa al-Quran, telekung, tudung dan beg sekolah dikumpul serta diagihkan kepada masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman Gerik, Perak dan Gua Musang, Kelantan menerusi menerusi Program Amal Jariah Bundle.

Ahli Dewan Negara, Datuk Isa Ab. Hamid berkata, sebanyak 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berganding bahu menjayakan program itu bagi membantu masyarakat berkenaan.

Beliau berkata, barang

tersebut dikumpulkan di dua lokasi iaitu Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Damansara, Selangor dan Dewan Serbaguna Majlis Daerah Pontian, Benut di sini.

“Barangan yang dikumpul ini dihantar ke lokasi terlibat menggunakan kenderaan Jakoa minggu depan bagi membolehkan bantuan sampai dengan kadar segera.

“Barangan ini sangat diperlukan memandangkan mereka tidak dapat keluar disebabkan masalah perhubungan dan ditambah pula dengan penula-

ran Covid-19.

“Pada Mac tahun depan, sumbangan sama juga akan dihantar namun dalam bentuk makanan dan barang keperluan harian seperti beras, gula, tepung, telur, sardin, biskut dan sebagainya,” katanya ketika ditemui di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Pontian di Benut di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Jakoa Negeri Perak, Hairulnizam Abd. Rahman berkata, terdapat 49 perkampungan Orang Asli di Hulu Perak yang melibatkan kira-kira 11,200 penduduk.